

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera Dan Salam Perpaduan,**

Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya dikemukakan laporan media pada tarikh **17 Mac 2020 (Selasa)** untuk makluman warga PERPADUAN.

BERITA / ARTIKEL :

BIL	TARIKH	TAJUK BERITA	AKHBAR	M/S	KATEGORI
1	17 Mac 2020 (Selasa)	Kesabaran prasyarat kekal perpaduan, kesatuan hati	Berita Harian	34	Makluman

2. SINOPSIS :

1. 17 Mac 2020 (Selasa), Berita Harian ms 34:

Kesabaran dalam menghadapi kerenah pemerintah adalah sifat yang dituntut oleh agama kerana tidak dapat dinafikan dari semasa ke semasa kita akan menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menguji keutuhan perpaduan kita. Perpaduan dan kesatuan hati amat penting kerana ia adalah prasyarat untuk menyelesaikan masalah, sedangkan kesabaran adalah prasyarat untuk mengekalkan perpaduan itu. Apabila tiada perpaduan bukan sahaja masalah sedia ada tidak dapat diselesaikan bahkan kita mungkin akan berhadapan dengan masalah baharu iaitu perpecahan, permusuhan dan kemungkinan juga pertumpahan darah.

Kesabaran prasyarat kekal perpaduan, kesatuan hati



Md Asham Ahmad

Feloa Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Pemimpin ialah cerminan rakyat yang dipimpin. Maka baik atau buruk pemimpin yang diangkat memimpin negara adalah menggambarkan baik atau buruknya rakyat yang mengangkat mereka.

Kalau sekiranya barisan pemimpin terpilih itu korup, maka ia menunjukkan rakyat secara umumnya juga begitu sehingga memungkinkan orang yang korup dalam kalangan mereka naik ke tampuk kepimpinan.

Bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa kita harus membiarkan sahaja korupsi berlaku tanpa membantah dan membetulkannya. Sebaliknya, kita perlu menginsafi betul-betul akar umbi masalahnya dan tidak keterlaluan

dalam menyalahkan pemimpin yang dipilih sehingga melupakan kesalahan diri sendiri.

Dalam sebuah hadis diriwayatkan Imam Bukhari, dinyatakan perintah Rasulullah SAW kepada umat Islam supaya bersabar kalau sekiranya mereka dapati pemimpin mereka melakukan sesuatu yang mereka tidak suka.

Dalam hadis lain pula, Rasulullah SAW memuji seseorang yang mengucapkan kata-kata benar di hadapan pemimpin yang zalim.

Maksud kedua-dua hadis ini pula dihipunkan dalam surah al-Asr yang menyatakan bahawa semua manusia dalam kerugian melainkan mereka yang beriman dan beramal soleh serta berpesan-pesan dengan kebenaran dan dengan sabar.

Memadailah pesan al-Quran dan hadis di atas sebagai panduan kita dalam bertindak serta menyuarakan teguran kepada pemerintah.

Dari segi prinsipnya, teguran terhadap pemerintah adalah termasuk dalam perintah amar makruf dan nahi munkar. Namun,

Kesabaran dalam menghadapi kerenah pemerintah adalah sifat yang dituntut oleh agama kerana tidak dapat dinafikan dari semasa ke semasa kita akan menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menguji keutuhan perpaduan kita. Perpaduan dan kesatuan hati amat penting kerana ia adalah prasyarat untuk menyelesaikan masalah.

Muhamad Halim Yatim,
Ketua Polis Padang Besar

perintah itu bukan boleh dibuat secara sembrono atau sembarangan, sebaliknya hendaklah dilakukan dengan cermat oleh ahlinya.

Ahli yang dimaksudkan ialah mereka yang memahami erti kebenaran dan mereka yang memiliki kesabaran dalam menyampaikan kebenaran itu.

Kesabaran dalam menghadapi kerenah pemerintah adalah sifat yang dituntut oleh agama kerana tidak dapat dinafikan dari semasa ke semasa kita akan menghadapi pelbagai cabaran yang boleh menguji keutuhan perpaduan kita.

Perpaduan dan kesatuan hati amat penting kerana ia adalah prasyarat untuk menyelesaikan masalah, sedangkan kesabaran adalah prasyarat untuk mengekalkan perpaduan itu.

Apabila tiada perpaduan bukan sahaja masalah sedia ada tidak dapat kita selesaikan, bahkan kita mungkin akan berhadapan dengan masalah baharu, iaitu perpecahan, permusuhan dan kemungkinan juga pertempahan darah. Terlalu banyak bukti yang

boleh kita kutip sama ada daripada sejarah lama ataupun peristiwa yang baru berlaku di hadapan kita.

Demokrasi dan media sosial membuahkan cabaran getir dalam mempertahankan prinsip di atas. Prinsip kebebasan bersuara yang didukung oleh media sosial yang tiada sempadan boleh menjadi bencana kalau sekiranya tidak dipandu oleh kebijaksanaan.

Apabila kebebasan bersuara itu dijadikan akidah pegangan dan dianggap hak mutlak, bahaya yang besar akan menimpa kerana lidah yang tidak mengetahui batasannya akan menjadi punca fitnah, perpecahan bahkan pertumpahan darah.

Kebebasan bersuara yang dianjurkan oleh Islam bukanlah kebebasan menyatakan sebarang pendapat atau tetapi kebebasan dalam menyuarakan kebenaran kerana fitnah dan kepalsuan bukanlah sesuatu yang membebaskan, tetapi sebaliknya sesuatu yang membelenggu dan menghalang kita daripada maju ke hadapan.

"Membudayakan Perpaduan, Meraikan Kepelbagaian"

MOHD FAISAL BIN SALEH

Bahagian Korporat

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri